

SHUANG HOR

Pasangan Double Diamond
Lee Song Mei
Wong Pak Woon



2022

Seminar Luar Negeri Vice Manager Cemerlang Shuang Hor ~ Fukuoka, Japan



STRAWBERI NO. 1 JEPUN — “HAKATA AMAOU”

Fukuoka ialah tempat penghasilan strawberi yang terkenal di Jepun, dan strawberi yang paling representatifnya ialah “Hakata Amaou” sejenis strain strawberi yang dihasilkan setelah menjalankan R&D selama 6 tahun dan disasarkan sebagai strawberi No. 1 Jepun.

Nama Hakata Amaou ialah akronim daripada 4 perkataan Jepun, “merah cerah, bulat berisi, besar, enak”, yang membentuk perkataan “A-MA-O-U”. Dirahmati persekitaran penghasilan yang unik, strawberi Hakata Amaou yang dihasilkan di Fukuoka jauh mengatasi strawberi lain dari segi warna, saiz, tahap kemanisan dan kandungan jus. Walaupun harga Hakata Amaou bukanlah yang tertinggi di Jepun, ia tetap strawberi yang paling terkenal di Jepun.

Hakata Amaou tergolong dalam jenis strawberi yang sangat manis dengan sedikit rasa masam, rahsia untuk menikmati strawberi adalah makan dari arah tangkai kerana bahagian yang paling manis strawberi terletak di hujungnya yang tajam. Cara makan begini seperti makan tebu secara terbalik, makin dimakan makin manis, sehingga susah hendak berhenti.

Selain mempunyai rasa yang enak, Hakata Amaou juga kaya dengan nilai nutrien, ia bukan sahaja kaya dengan Vitamin C yang boleh menyerikan kulit, ia juga dapat menampung keperluan badan manusia dengan mineral dan beberapa unsur surih bagi mengekalkan kesihatan badan.

Fukuoka mempunyai banyak ladang strawberi yang memberi pengalaman kepada pelancong dengan menyediakan aktiviti memetik buah strawberi. Bermula dari musim salji hingga sebelum tibanya musim bunga, Fukuoka menjadi salah satu pusat tumpuan pelancong yang paling sibuk. Selain itu, semasa musim strawberi kita juga dapat menikmati pelbagai jenis pencuci mulut terhad yang dibuat daripada strawberi Hakata Amaou.

Sebagai strawberi No. 1 Jepun, Hakata Amaou bukan sahaja terkenal di seluruh Jepun, tetapi juga tercatat dalam Guinness Book of World Records sebagai strawberi paling berat di dunia dengan beratnya sebanyak 250 gram!



CONTENTS

APR-JUN 2021 No. 2



2

Sistem dan Anda

“Satu Bola Menusuk ke Jiwa”:
Daya Tarikan Pelan Pemasaran
Kopi 111 yang Sukar Dihadang

Temu Bual Diamond

4

Pasangan Double Diamond
Lee Song Mei & Wong Pak Woon

8

Pasangan Diamond
Mohamad Nadzri & Ummu Nasibah

11

Mencegah Menentang Pandemi Usaha Sendiri
Pengambilan Lingzhi Menjana Kuasa Perjuangan Keimunan

12

Sejauh Manakah Anda Mengenali Lingzhi Shuang Hor?

15

Berhati-hati, “Pembunuh Ghaib”
tersembunyi di sisi anda!

17

Tokoh Kejayaan

November, Disember 2020 & Januari 2021

22

Notis Penempahan Stok

15



12



■ www.shuanghor.com.my
service@shuanghor.com.my
■ www.shuanghor.com.sg
service@shuanghor.com.sg

SHUANG HOR - Majalah suku tahunan istimewa yang diterbitkan khas untuk pengedar Shuang Hor. Majalah Shuang Hor diterbitkan untuk kegunaan Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd. sahaja. Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mengulang mana-mana bahagian majalah ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Shuang Hor.

Diterbit Oleh: Shuang Hor Enterprise (M) Sdn. Bhd.
(Co. No. 184951-D) (AJL 93423)
No. 54, Jalan Tago 2, Taman Perindustrian Tago,
Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +60-3-62758818 Fax: +60-3-62766822

“Satu Bola Menusuk ke Jiwa”: Daya Tarikan Pelan Pemasaran Kopi 111 yang Sukar Dihadang



Hari sebelum kelmarin, saya berbual-bual dengan anak saya tentang sejarah evolusi telefon bimbit, saya mendapati pengalaman dan maklumat saya tentang penggunaan telefon bimbit begitu lengkap, bermula daripada generasi pertama 1G yang digelar orang sebagai Black King Kong (1980~1990) hinggalah 4G yang sedang saya gunakan sekarang (sedang tercari-cari 5G yang menjadi kesukaan masa kini...), daripada analog kepada digital, daripada hanya fungsi suara kepada tambahan video, permainan, kamera, internet, transmisi berkelajuan tinggi ... dan fungsi-fungsi lain yang indah dan pelbagai, menyaksikan kemajuan pesat dalam teknologi komunikasi sepenuhnya; namun pada sisi yang lain saya juga merasakan kekejaman yang terjadi akibat persaingan dalam industri teknologi komunikasi yang berlumba-lumba menghasilkan kelajuan dan keefisienan bagi mengatasi pihak pesaing—betapa pujaan dan kegemaran kelmarin sudah menjadi sepah terbuang pada hari ini! Bagaimana pula nasib syarikat-syarikat dalam industri ini? Ada berapa buah lagi yang masih bertahan?

Begitu jugalah nasibnya dengan industri jualan langsung! Tidakkah maju mundurnya juga ditentukan oleh kelajuan dan keefisienan?

Kita bincang tentang kelajuan dahulu—

Industri teknologi mementingkan kelajuan, jualan langsung juga mengutamakan kelajuan, tetapi kelajuan yang bagaimana? Maksud saya ialah kelajuan merekrut ahli. Memandangkan struktur organisasi industri jualan langsung terbina daripada manusia, maka skala organisasi, kegagahan dan kelemahannya, kejayaan yang besar atau kecil, semuanya ditentukan oleh kekuatan rangkaian manusia; dan organisasi pula akan mengalami metabolisme secara semula jadi, fenomena peningkatan atau pengurangan bilangan ahli, ada ahli yang masuk dan ada yang keluar, jika yang keluar melebihi yang masuk maka organisasi akan menjadi lemah dan tidak bermaya; sebaliknya ialah organisasi dengan kecergasan mantap, terus meningkat maju. Bilangan ahli yang banyak akan memudahkan kerja dan seterusnya perkara yang baik-baik akan turut berlaku. Walaupun bilangan orang yang banyak tidak semestinya dapat memastikan memakmurkan sesebuah negara atau memperkuatkan satu pasukan tentera, namun satu perkara yang pasti, iaitu tanah yang sempit dengan bilangan orang yang sedikit tentunya tidak dapat membina sebuah negara yang kuat. Oleh yang demikian, “merekrut ahli” ialah asas permulaan perniagaan, asasi perancangan perniagaan jualan langsung, kelajuan merekrut ahli ialah keutamaan yang utama, hanya kelajuan dalam seni mempertahankan diri yang tidak dapat dipatahkan, jika anda dapat menguasai kemahiran ini, maka anda pasti dapat menguasai dunia.

Seterusnya, kita bincang tentang keefisienan—

Perniagaan kini mementingkan keefisienan pemasaran kerana setiap industri wujud persaingan yang sengit, kompleks dan berubah-ubah. Semua pemasaran hanya menumpukan perkara utama ini – merapatkan hubungan dengan pengguna, mengumpul sebanyak mungkin pengguna yang setia. Oleh yang demikian, kita dapat melihat munculnya pelbagai bentuk saluran, masing-masing menunjukkan kehebatan muslihat, misalnya merekrut ahli: menggunakan harga istimewa untuk menarik kemasukan ahli, ataupun mengumpul mata pembelian untuk menukar produk, atau menggunakan mata yang terkumpul untuk menukar wang tunai yang tidak seberapa sebagai langkah untuk mengikat kesetiaan pelanggan. Reka bentuk pemasaran dalam saluran industri jualan langsung ialah peneraju dalam industri ini, ahli-ahlinya bukan sahaja mendapat potongan istimewa untuk membeli produk, mata yang terkumpul pula boleh ditukar dengan wang tunai yang bukan sedikit, malah orang lain yang berbelanja juga boleh diambil kira dalam kiraan mata ganjaran... dsb. Menggabungkan identiti pengguna, penggemar dan pengusaha secara harmoni dan sempurna, menjadikan ahli sebagai pengguna tegar dan seterusnya menjadi pengikut kepercayaan syarikat, pasukan organisasi, sama-sama berkongsi hormat dan aib, persekitaran yang memasukkan perasaan atau hati manusia dalam perniagaan begini memang tiada saluran lain yang dapat menandinginya.



Daya tarikan Pelan Pemasaran Kopi 111 terletak pada sifatnya yang mudah tetapi tajam dan efisien, cukup menghasilkan keajaiban!

Setelah memahami ciri-ciri istimewa jualan langsung, dan dapat pula mengikuti derap perkembangan masa, kekalkan tenaga kinetik kompetitif teras ini, maka anda tidak perlu takut kepada sebarang perubahan semasa, perkembangan rangkaian juga akan kekal cergas dan dinamik, lestari selama-lamanya. Dengan pengetahuan ini, kita seharusnya lebih memahami niat misi era yang diamanahkan kepada Pelan Pemasaran Kopi 111 sepanjang 3 tahun ini. Memandangkan ciri strategiknya yang mudah disalin, membolehkan kita berjaya mencipta rekod baharu kali demi kali dari segi kelajuan dan bilangan ahli yang direkrut meskipun dalam persekitaran persaingan sengit dan sukar industri jualan langsung.

Tentu sekali, Pelan Pemasaran Kopi 111 bukanlah satu-satunya atau keseluruhannya dalam perniagaan Shuang Hor, ia bukan badan utama (prestasi) perniagaan ini, tetapi ia merupakan peletus yang meletuskan badan utama, menghasilkan tenaga kinetik organisasi yang berterusan, seperti lokomotif yang menggerakkan enjin dan tenaga kinetik ini dapat menggerakkan gerabak yang berderet-deret di belakangnya, membawa muatan anda menuju ke destinasi. Maka secara berterusannya kita dapat melihat rangkaian baharu dibina (pedegar yang masuk selepas Pelan Pemasaran Kopi 111)—daripada tiada kepada ada, menggerakkan ratusan, ribuan orang, satu fenomena perkembangan pantas yang jarang dapat dilihat sebelum ini. Produk mungkin bermula dengan 2 kotak kopi pada masa menyertai tetapi dengan menumpang Pelan Pemasaran Kopi 111, tenaga kinetik impian telah dihidupkan oleh Pelan ini dan muatannya terus ditambah dengan pelbagai produk Shuang Hor yang lain (seperti Lingzhi, Lacto-Berry, produk penjagaan kesihatan, produk penjagaan diri dan lain-lain lagi) terus memasuki keluarga ahli rangkaianannya yang semakin bertambah besar dan kuat. Maka lokomotif ini bergerak dengan lebih laju dan bertenaga lagi berikutan meningkatnya prestasi jualan yang melonjak tinggi dan bonus ganjaran yang lumayan, bergerak dari stesen ke stesen menuju ke destinasi Diamond, menuju kejayaan. Pendek kata, daya tarikan Pelan Pemasaran Kopi 111 terletak pada sifatnya yang mudah tetapi tajam dan efisien, cukup menghasilkan keajaiban!

Secara kesimpulannya, Pelan Pemasaran Kopi 111 tidak mempunyai fungsi merampas tanah (matlamat) dalam peperangan tetapi merupakan senjata yang paling ampuh untuk menyerang kubu (pendekatan); ia bukan produk akhir yang dihasilkan dalam barisan pengeluaran (misalnya roti, kek), tetapi merupakan bahan mentah yang mesti ada (tepung gandum); ia seperti sebatang jarum yang nampaknya tiada signifikan (kopi dengan hasil jualan yang hanya bernilai NTD400) tetapi bersandarkan jarum ini, benang dapat dijalinkan untuk menghasilkan kain broked yang indah.

Jika anda tahu tentang permainan besbol, dalam dunia permainan ini ada satu pepatah yang amat popula: "Satu bola menusuk jiwa" (menumpukan sepenuh perhatian semasa memaling atau memukul besbol) juga amat sesuai untuk menghuraikan nilai strategi Pelan Pemasaran Kopi 111!

Wong Pak Woon

Lee Song Mei



Perkembangan di Shuang Hor:

13hb September 2018: Menyertai Shuang Hor
Disember 2018: Vice Manager
Mac 2019: Senior Vice Manager
Mei 2019: Special Vice Manager
November 2019: Diamond
Ogos 2020: Double Diamond
(bersambung.....)

Tempat tinggal: Bintulu, Sarawak

Pasangan Double Diamond Lee Song Mei & Wong Pak Woon

Menggenggam Setiap Saat Penentu, Asal Tidak Menyerah, Impian Pasti Menjadi Kenyataan

Apabila tangan anda terenggam RM26, bagaimanakah anda membelanjakannya? Dan bagaimana pula ia dapat membawa faedah dan pengalaman nyata kepada anda? Setiap orang akan menghadapi banyak kali saat-saat yang harus membuat keputusan, tetapi anda hanya perlu membuat keputusan yang tepat sekali sahaja, maka anda mungkin dapat mengubah nasib hidup anda selama-lamanya.

Sebelum Lee Song Mei menyertai Shuang Hor, beliau seorang penjaja gerai makanan di tepi jalan, kerana pisang dan kelapa ialah ciri istimewa gerainya, beliau mendapat jolokan "gadis pisang"; sementara Wong Pak Woon pula terlibat dengan kerja-kerja pengubahsuaian dan hiasan, beliau perlu selalu berulang-alik ke tempat kerja di tapak pembinaan.

Demi mengurangkan perbelanjaan gerai makanan yang diusahakannya seorang diri, Lee Song Mei kadang-kadang perlu sibuk hingga ke dinihari untuk menyediakan bahan-bahan yang hendak dijual pada keesokan harinya. Waktu kerja yang panjang menghimpunkan kemudaratan, selain kedua-dia belah tangannya mula menggelupas dan sakit-sakit, semasa tidur pula berasa kebas-kebas, ditambah pula dengan keadaan kurang tidur, beliau mula mengalami simptom migrain. Kerana terbeban dengan tekanan kewangan yang berat, tidak kira betapa tidak selesa pun rasa badan, beliau hanya boleh bertahan dan meneruskan perniagaannya.



Tanpa ragu-ragu Lee Song Mei berkata: Impian saya adalah untuk mendapat banyak wang, membeli sebidang tanah untuk membina sebuah ladang rekreasi saya sendiri, kemudian bersara awal untuk menikmati kehidupan yang senang-lenang, maka itu, asalkan ada peluang untuk memperoleh wang, saya pasti akan mencuba."

Selain pernah cuba membuat pelaburan, menjadi orang tengah serta menyertai perniagaan jualan langsung yang lain, beliau pernah melaburkan sejumlah wang yang besar hasil titik peluhnya dalam permainan wang. Kesudahannya, beliau terpaksa menanggung hutang yang lebih banyak lagi. Sikapnya yang tidak mahu mengaku kalah menyebabkan beliau terus mencari peluang untuk memperoleh wang, walaupun dalam hatinya ingin mendapat kembali wang yang terlepas itu, namun impiannya semakin menjauh.

Impian ialah Pendorong Kemajuan, Kopi Menghulurkan Bantuan

Suatu hari pada tahun 2018, Lee Song Mei dijemput menyertai program Pelan Pemasaran Kopi 111 Gold Diamond Hermes, daripada itu, beliau telah mengenali Pelan Pemasaran Kopi 111. Walaupun mengeluh tentang model perniagaannya, perkara yang benar-benar menarik perhatiannya ialah keberkesanan CEO Cafe.

Lee Song Mei tahu bahawa ibunya yang mengidap penyakit tiga serangkai sangat suka minum kopi. Setelah mendengar perkongsian orang ramai tentang testimonial CEO Cafe, beliau telah membuat satu keputusan yang amat penting dalam kehidupannya: Menggunakan RM26 untuk menyertai Shuang Hor sebagai ahli, membeli CEO Cafe untuk dicuba minum oleh ibunya. Setelah mendengar cadangan Gold Diamond Hermes, beliau telah membeli satu kotak besar CEO Cafe dengan tawaran penghantaran percuma.

Walaupun pada mulanya beliau hanya mengambil sikap sebagai pengguna untuk membantu ibunya bertambah sihat tetapi memandangkan beliau telah membeli satu kotak besar CEO Cafe yang mengandungi 20 kotak kecil kopi, maka Lee Song Mei pun cuba-cuba mempamerkan CEO Cafe di gerainya untuk cuba dijual, tidak disangka pula kopinya mendapat sambutan yang hangat daripada pelanggan. Para pelanggan pula seorang demi seorang memberitahunya betapa kesihatan mereka bertambah baik setelah minum kopinya, sekali gus meningkatkan kuasa ulang beli. Setelah mendapat sambutan yang tidak disangka ini, beliau nekad menyertai program Pelan Pemasaran Kopi 111.

Setelah mendengar keputusan nekad Lee Song Mei, upline Gold Diamond Mariani datang khas jauh dari Sabah untuk menemuinya yang tinggal di Sarawak bagi membantu beliau membuka Parti Kopi, berkongsi maklumat kepada kawan-kawan yang ingin menyertai program ini.

"Dalam masa 3 bulan yang singkat, saya melihat pasukan rangkaian saya terus membesar, bilangan orang yang minum kopi juga terus bertambah, prestasi bonus juga melonjak daripada RM20.80 kepada 4 angka, dan ia terus meningkat lagi!" Lee Song Mei berkata dengan sedikit berteriak.

Setelah mendapat bimbingan teliti daripada pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani, beliau mendapati bahawa perniagaan Shuang Hor bukan sahaja mudah malah senang diusahakan. Kita hanya perlu membuat perkongsian yang ringkas → mengajak orang ramai hadir dan minum kopi → mula membina pasukan. Dengan senyum Lee Song Mei berkata: "Saya hanya menggunakan RM26 untuk memulakan perniagaan saya, tidak perlu menyimpan stok, tidak perlu modal yang besar tetapi dapat meraih ganjaran bonus yang lumayan. Kerana produk terlalu laris hingga saya selalu dikejar pelanggan."

Keputusan untuk menyertai Shuang Hor telah mengubah kehidupan pasangan Lee Song Mei dan Wong Pak Woon sepenuhnya. Melalui Pelan Pemasaran Kopi 111, mereka berjaya meraih keuntungan besar mereka yang pertama, malah berjaya melangsaikan semua hutang dalam masa beberapa bulan. "Kini saya mengusahakan perniagaan Shuang Hor secara sepenuh masa, dan suami saya Wong Pak Woon menguruskan perniagaan gerai setelah berhenti membuat kerja pengubahsuaian dan hiasan, memandangkan gerai itu juga merupakan sumber saluran saya mendapat pelanggan." Beliau berkata, kadang-kadang suaminya juga bertindak sebagai pemandu peribadi, membawa beliau pergi membuat perkongsian dan menganjurkan Parti Kopi.



Di Sebalik Usaha Gigih, Pasti ada Ganjaran yang Berganda

Setelah hanya menyertai Shuang Hor selama 14 bulan, pasangan Lee Song Mei dan Wong Pak Woon berjaya mencapai status Diamond berkat usaha gigih dan kehairahan mereka yang sepenuh hati. Mereka tidak pernah terlintas di hati bahawa diri mereka yang tanpa latar pendidikan dapat terserap dalam pasukan ribuan orang dalam masa yang singkat, pada masa yang sama dapat meraih pendapatan puluhan ribu sebulan! Pada masa yang sama mereka juga sangat berterima kasih kepada syarikat Shuang Hor yang menghadaikan Kereta Diamond, membolehkan pasangan suami isteri yang sangat berjimat cermat ini akhirnya memiliki kereta baharu yang pertama milik mereka.

Berkenaan keupayaan beliau mencipta prestasi yang begitu cemerlang dalam masa yang singkat, Lee Song Mei berpendapat bahawa asalkan mempunyai tenaga positif, aktif membimbing setiap downline menyalin Sistem, prestasi pasti dapat meningkat dengan mantap. Bermula dengan langkah mudah berkongsi kopi kemudian merekrut rakan yang berminat untuk menyertai program Pelan Pemasaran Kopi 111, seterusnya mengaturkan pemimpin-pemimpin untuk melakukan perkongsian perniagaan, menganjurkan Parti Kopi, malah beliau pernah mengadakan sebanyak 5 kali sehari penerangan perniagaan seorang sama seorang untuk ahli baharu dan sebagainya.

Demi menunjukkan teladan yang baik kepada pasukan, pasangan Lee Song Mei dan Wong Pak Woon secara diam-diam menanamkan azam untuk mencapai status Double Diamond dalam masa yang singkat. Kalau hendak dikatakan membuka kunci status Double Diamond tidak sukar, tetapi tidaklah senang juga. Selepas berhempas pulas berusaha sepenuh hati, mereka menggunakan masa hanya 9 bulan untuk mendaki puncak jaya yang seterusnya, mencapai status Double Diamond!





Lee Song Mei berkata, dalam tempoh serangan pandemik Covid-19, semua aktiviti dilakukan secara dalam talian, bersyukurlah para pemimpin rangkaiannya sudah dapat berdikari dan memainkan peranan masing-masing sebelum berlakunya pandemik lagi. Beliau hanya perlu memantau melalui telefon sudah dapat membimbing mereka bergerak ke arah yang betul. Oleh sebab inilah, prestasinya tidak menurun malah semakin meningkat, dan akhirnya meletakkan beliau di kedudukan Double Diamond tanpa banyak halangan.

Secara terus terang pasangan Lee Song Mei dan Wong Pak Woon berkata bahawa setelah menyertai Shuang Hor, orang yang hendak mereka ucapkan terima kasih sangat banyak, "Pertama-tamanya, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Tuhan kehidupan saya, syukur kepada limpah rahmat dan keizinan-Nya yang membenarkan kami mencapai kejayaan. Keduanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu saya, kerana beliau suka minum kopi maka saya begitu beria-ia mencari kopi yang sihat, dan kerana itu juga saya mengenali Shuang Hor."

Beliau juga ingin mengucapkan terima kasih kepada upline pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani yang membimbingnya selangkah demi selangkah daripada seorang pengguna menjadi seorang rakan pengedar elit yang berpotensi. Selain turut menjadi kaunselor peribadi rohaniahnya, beliau juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Double Diamond Gan Yee Sim kerana memberikan latihan dalam bahasa Mandarin seperti pengetahuan produk, Sistem latar Syarikat dan sebagainya.

Latihan dwibahasa yang diberikan oleh pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani serta Double Diamond Gan Yee Sim telah memperkuat asas bahasa Lee Song Mei dan membolehkan beliau lebih mudah meneroka pasaran pelbagai etnik di Sarawak. "Saya telah belajar daripada mereka sikap hati yang baik, proaktif, bertenaga positif dan juga bekerja keras." Beliau turut mengatakan bahawa atas kerjasama dan sokongan jitu daripada para rakan, ahli keluarga dan seluruh kaum keluarga telah membantu mempercepat kejayaan mereka pada hari ini.

Berhadapan dengan perjuangan mencapai status Triple Diamond, pasangan Lee Song Mei dan Wong Pak Woon berkata mereka akan lebih memfokuskan usaha memantapkan rangkaian, dan terus memujuk rakan pengedar elit yang berpotensi. Selain itu, mereka juga merancang membantu suri rumah tangga sepenuh masa untuk menyertai Shuang Hor, dengan harapan mereka dapat meraih pendapatan di samping menikmati produk secara percuma, dan yang paling utama ialah mereka dapat memperoleh kesihatan.

Beliau mengatakan bahawa CEO Cafe dan Lingzhi benar-benar telah membantu banyak orang menemui kesihatan. Selepas makan Lingzhi, rasa kebas-kebas tangan, migrain dan penyakit lainnya semua dapat dipulihkan, kini beliau boleh membuang tabiat membawa ubat tahan sakit ke mana-mana. "Anda boleh cuba mengalami sendiri produk Shuang Hor, asalkan anda merasakan produk ini bagus, maka tukar sahaja jenama (Shuang Hor) baharu untuk diguna." Setiap kali ahli atau rakan pengedar berkongsi testimonial dengan beliau, perasaan gembiranya jauh mengatasi perasaannya meraih keuntungan besar pertamanya dahulu.



Rakaman suara pasangan Double Diamond Lee Song Mei dan Wong Pak Woon:

"Membantu orang ialah asas kegembiraan, sikap hati yang baik, tidak melepaskan perkongsian, membawa kesihatan kepada orang lain, anda pasti akan berjaya."



Biasa Bukan Bererti Tiada Upaya, Berusahalah Menjadikan Impian Kenyataan

Jurulatih pasukan bola sepak Amerika yang terkenal, Vince Lombardi berkata: "Pemimpin tidak dilahirkan, mereka dibentuk melalui usaha keras, dan inilah harga yang mesti dibayar untuk mencapai sebarang matlamat yang berfaedah."

Meskipun Lee Song Mei tidak mempunyai pengalaman memimpin pasukan, tetapi untuk menjadi seorang pemimpin yang cemerlang, beliau telah menginjakkan langkah pertama yang berani dengan bantuan Gold Diamond Mariani, beliau bukan sahaja belajar kemahiran berpidato, malah saling belajar daripada rakan-rakan supaya menimba kelebihan untuk sama-sama meningkat maju.

Secara beremosi beliau berkata: "Rangkaian telah menjadi besar dan kuat dalam masa beberapa bulan sahaja, tetapi kini banyak perkara yang harus diuruskan melalui telefon bimbit dan internet, misalnya membuat tempahan, membuat pesanan, promosi, log masuk ahli dan sebagainya, mujurlah ada sekumpulan anak saudara saya yang muda belia sanggup membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada saya. Setiap kali apabila saya berhadapan dengan kegagalan atau berasa tawar hati, ada juga saudara seperjuangan yang sanggup menenangkan hati dan memberikan nasihat dan pencerahan, mereka semua adalah pemimpin berkesan saya dalam rangkaian!"

Berkenaan dengan kejayaannya di Shuang Hor, Lee Song Mei dengan bangganya berkata bahawa ini merupakan kejayaan terbesarnya dalam kehidupan beliau, kerana hanya platform Shuang Hor yang membolehkan beliau berjaya membina pasukan sendiri, asalkan tidak menyerah kalah, impian dan peluang pasti tidak akan meninggalkan kita.

Kerana peluang, pasangan Double Diamond Lee Song Mei dan Wong Pak Woon mengenali Shuang Hor, akhirnya mereka mengambil keputusan menggunakan RM26 untuk menyertai Shuang Hor, dan keputusan ini telah menentukan takdir mereka membuka laluan ke arah kejayaan!

Mohamad Nadzri Bin Noorafudin

Profil Diamond

Ummu Nasibah Binti Razali



Perkembangan di Shuang Hor:

26hb Februari 1999: Menyertai Shuang Hor

April 2000: Vice Manager

Februari 2011: Senior Vice Manager

November 2014: Special Vice Manager

Jun 2020: Diamond

(bersambung.....)

Tempat tinggal: Hulu Langat, Selangor

Jodoh itu ketentuan Tuhan. Dan jodoh inilah yang menyambung pertemuan antara; pasangan Diamond Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah dengan Shuang Hor. Ibarat perjalanan yang telah disulam indah oleh takdir-Nya, dalam saujana lautan manusia yang tidak bertepi namun tetap berjaya menghubungkan mereka dengan Shuang Hor, tidak kira betapa besar pun pusingan itu, Shuang Hor tetap menakhodai kehidupan mereka.

Pada tahun 1999, Mohamad Nadzri berumur 19 tahun dan baru sahaja tamat pengajian sekolah menengah, atas tajaan ibu bapanya beliau telah menyertai Shuang Hor. Sebagai anak pasangan Double Diamond Norliza dan Noorafudin, secara sendirinya dia banyak terdedah kepada Shuang Hor lalu lebih memahami kebaikan Shuang Hor.

"Saya langsung tidak berasa terasing dengan Shuang Hor. Semasa saya berumur 12 tahun, adik kedua saya, Mohamad Azhar menghidap asma, atas cadangan ibu saudara saya, Norlaila Hussain, dia mula makan Jia Hor Lingzhi, keberkesanan produk ini menyebabkan ibu bapa saya membuka mata dan mereka juga menyertai Shuang Hor kerana itu," kata Mohamad Nadzri.

Minat terhadap perkembangan teknologi, akhirnya Mohamad Nadzri memilih IT sebagai bidang pengajiannya. Selepas tamat pengajian, beliau mula memperlancarkan langkah di Shuang Hor untuk menumpukan sepenuh perhatian dalam kerjaya IT.

Berkecimpung dalam dunia IT secara amnya perlu sentiasa mengikut perkembangan teknologi, walaupun beliau berasa

berkemampuan di awalnya, namun sejajar dengan peningkatan usia, peredaran masa, keutamaan kehidupan dan prinsip yang semakin matang, kerjaya IT nya kelihatan semakin sempit tanpa kepuasan rohani.

Tuntutan kerja yang makin banyak membuatnya berfikir untuk jalankan perniagaan Shuang Hor secara serius. Mujurlah beliau telah menemui pasangan hidupnya Ummu Nasibah pada tahun 2006, bermula pada masa itu jugalah mereka ditakdirkan untuk sama-sama menjalani kehidupan yang luar biasa hebat di Shuang Hor.

Ummu Nasibah secara jujurnya mengaku bahawa beliau mengenali Shuang Hor secara mendalam setelah berkahwin dengan Mohamad Nadzri dan mendapat peluang kedua untuk memulakan perniagaan Shuang Hor. Mengapa dikatakan peluang kedua? Sesungguhnya, ibu bapa beliau pernah menceburi perniagaan Shuang Hor, malah pernah mencapai status Vice Manager! Walaupun mereka telah berhenti selepas itu, tetapi kekuatan jodoh telah menjalinkan semula beliau dengan Shuang Hor bagi meneruskan jodoh yang termeterai sebelum itu.

Dengan senyum beliau berkata: "Ya, anda boleh panggil kami pengusaha perniagaan Shuang Hor generasi kedua! Saya dan suami sudah mengenali Shuang Hor pada zaman kanak-kanak lagi. Kini, keluarga saya, termasuk ibu saya Puan Radhiah dan adik-beradik sudah kembali menyertai perniagaan Shuang Hor."

Diamond Bukan Magis, Tetapi Kristal yang Terhasil daripada Kerja Keras



Kejayaan, Bermula dari Langkah Pertama Anda Melangkah

Walaupun pada peringkat awalnya berasa ragu-ragu terhadap perniagaan Shuang Hor, tetapi setelah Ummu Nasibah, seorang suri rumah tangga menemani ibu mertuanya Double Diamond Norliza berjumpa dengan downline, menghadiri perjumpaan dan sebagainya, pembelajaran di hadapan mata membolehkan beliau menimba banyak pengetahuan dan pengalaman. Kesabaran dan kehairahan ibu mertuanya Double Diamond Norliza selalu memimpin melalui teladan, mengajar mereka kaedah mengendalikan perniagaan, membolehkan beliau dan suami membebaskan diri daripada belenggu ketakutan!

Ummu Nasibah berkata: "Syukur kepada Allah dan limpah rahmat-Nya, terima kasih kepada Upline; Double Diamond Norliza; seorang sifu dan guru yang selalu membimbing kami selangkah demi selangkah, melatih kami dari awal yang hanya tahu merangkak perlahan hingga kini dapat berlari pantas. Walaupun proses ini agak perlahan, tetapi ia mencipta keyakinan yang lebih mantap. Ia bukan magis, ia seperti sebuah proses, membolehkan kami nampak keunikan perniagaan Shuang Hor dan kehebatan peluang perniagaannya, dan ini juga tidak dapat ditandingi oleh perniagaan lain."

Pasangan ini berpendapat bahawa setelah terdedah kepada produk Shuang Hor, ahli keluarga mereka jarang-jarang ke klinik atau hospital. Anak sulung mereka yang pernah mengidap penyakit sawan juga beransur pulih setelah mendapat bantuan produk Shuang Hor, semenjak itu Yung Kien Twin Pack telah menjadi produk wajib setiap bulan untuk merawat anak mereka. Setelah anak mereka pulih sepenuhnya, keyakinan mereka terhadap produk Syarikat terus meningkat dan mereka mula memandang serius terhadap perniagaan Shuang Hor.

Bertitik tolak dari tahun 2017, Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah sebulat hati memutuskan untuk menceburi perniagaan Shuang Hor secara lebih serius; jalankan perniagaan ini sepenuh masa. Mereka telah merasai pelbagai pengalaman dan kejayaan di lapangan Shuang Hor ini. Walaupun pada peringkat awalnya pendapatan mereka tidak lumayan, tetapi jika dilihat pada mana-mana perniagaan di dunia ini, perniagaan yang benar dan jujur pastinya memerlukan pengorbanan masa dan kesabaran untuk memupuk hasilnya.

Mereka berpendapat, di samping Shuang Hor membolehkan kita menjalankan perniagaan, ia turut menjanakan pendapatan, dan akhirnya boleh mencapai faedah berganda, iaitu kesihatan dan kekayaan; kita bukan sahaja dapat menikmati produk percuma malah dapat menjalani kehidupan yang stabil dan selesa. "Jika mata kita dapat melihat dengan jelas apa yang dapat di raih di penghujung jalan ini (wang, masa dan kesihatan), maka pasti kita tidak akan berkedip dan terus menghapuskan segala rintangan dan halangan!"

Mereka menjelaskan bahawa semakin lama mereka menyertai Shuang Hor, keyakinan mereka semakin bertambah, dan semakin dapat merasai keindahan perniagaan ini; jalan yang dilalui mereka tidak akan meninggalkan kesan yang tidak baik, sebaliknya setiap jejak mereka telah menyemaikan benih yang subur dan akan membesar menjadi pohon yang rimbun.

Usaha ialah Kunci Kejayaan

Pasangan Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah telah disahkan berjaya mencapai status Diamond pada Jun 2020, mereka sendiri sukar mempercayai kerana berjaya mencapai Diamond pada ketika Malaysia sedang melaksanakan PKP akibat pandemik Covid-19!

Mereka mengakui, walaupun mereka lebih suka berkomunikasi dengan downline secara bersemuka, tetapi dalam tempoh PKP mereka tidak dapat berjumpa atau berkumpul dengan downline seperti biasa, malah turut menghadapi pelbagai cabaran. Meskipun begitu, mereka tidak pernah memperlakan gerak langkah dalam perniagaan Shuang Hor, setelah melakukan beberapa penyesuaian dan mencuba gaya kerja yang lebih fleksibel, akhirnya mereka telah mencapai impian Diamond!

"Orang yang berinspirasi pasti akan berjaya; setelah menyumbang dengan sepenuh hati, anda harus percaya bahawa langkah seterusnya akan semakin mudah dan hasilnya pun akan menjadi semakin indah, ini adalah pesanan kami kepada diri sendiri dan juga untuk semua," jelas Mohamad Nadzri.

Setelah mencapai status Diamond, pasangan Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah berharap dapat membimbing lebih ramai downline di rangkaiannya mencapai Diamond juga. Mereka berkata, jika ingin berjaya, kita perlu memahami dengan jelas tujuan kita berada dalam perniagaan Shuang Hor, jangan membiarkan kita terperangkap dalam zon selesa dan usah takut kepada rintangan di hadapan.





Tiga Tunjang Utama Pasangan Diamond Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah :

Pertama, mengekalkan hubungan baik dengan downline: Menganggap downline seperti sebuah keluarga besar. Percayalah dibalik silaturahmi, adanya rahmat Allah.

Kedua, mengaplikasi pengetahuan secara berterusan dan membuat perjumpaan: Keperluan dan cabaran setiap orang adalah berbeza dan unik, kita hanya boleh

memahami melalui perjumpaan, dan tahu bagaimana mengatasi setiap halangan dengan berhati-hati.

Ketiga, Tujuh Perkara setiap hari yang diajarkan dalam Sistem Shuang Hor: Nampak ringkas tetapi sangat berkesan! Ia merupakan kerja harian yang mesti dilakukan oleh pengedar Shuang Hor setiap hari.



Pasangan Diamond Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah ingin berterima kasih kepada semua downline dalam rangkaian, para Diamond Shuang Hor, sideline dan rakan pedagang lain; tidak lupa juga kepada Pemimpin Sistem Encik Ku Cheng Chun, Pengurus Besar Encik Foo Kok Wah, dan juga semua kakitangan Shuang Hor atas pertolongan mereka selama ini.

Mohamad Nadzri juga sangat berterima kasih kepada ibu bapanya Double Diamond Norliza dan Noorafudin atas pertolongan mereka, mengajarkan kaedah menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya tentang bagaimana hendak menguruskan sebuah rangkaian.

Ummu Nasibah pula ingin mengucapkan terima kasih kepada ibunya Puan Radhiah binti Ahmad dan arwah bapanya Encik Razali bin Daud, anak-anak, Naufal, Umar, Muadz, serta seluruh keluarga terutama adik-beradik, dan saudara-mara yang menyokong mereka selama ini.

Tahap Kilauan Diamond Terletak pada Nilai yang Terkandung di dalamnya

Setiap orang mempunyai definisi yang berbeza tentang kejayaan, sesetengah orang menganggap memiliki rumah besar, kereta mewah sebagai tanda kejayaan. Bagi pasangan Diamond Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah, apa pula definisi kejayaan mereka?

"Pada pendapat kami, apabila kami boleh berasa tenang itulah kejayaan. Kami memberikan harapan dan dorongan kepada orang lain, apabila mereka gembira, kami juga akan berasa sangat bahagia di hati, inilah kejayaan. Anda boleh menikmati rasa tenang dalam perniagaan Shuang Hor. Syukur kepada Allah kerana mengizinkan kami menyertai keluarga besar Shuang Hor, semoga ia menjadi sebab yang menjadikan kita semua lebih baik." Begitulah kata mereka.

Mereka menggambarkan kewujudan Shuang Hor seperti satu "ANUGERAH". Anugerah ini sangat istimewa, hanya orang yang mengusahakan perniagaan Shuang Hor yang benar-benar dapat melihat dan merasai kemanisannya. Selain di Shuang Hor, peluang begini sukar didapati di tempat lain.

Jodoh pertemuan takdir Illahi, mereka sekali lagi memilih Shuang Hor. Sebagai pengusaha perniagaan Shuang Hor generasi kedua, pasangan Diamond Mohamad Nadzri dan Ummu Nasibah tidak mensia-siakan jodoh anugerah kali ini lalu berusaha keras mengusahakan perniagaan Shuang Hor, akhirnya berjaya menghasilkan kristal Diamond yang luar biasa berkilau!



"Wadah Perniagaan Shuang Hor Bak Lautan Biru, Luas Dan Dalam Tiada Sempadan, Ganjaran Hebat Setia Menunggu, Buat Yang Cekal Dalam Pelayaran."

Mencegah Menentang Pandemi Usaha Sendiri Pengambilan Lingzhi Menjana Kuasa Perjuangan

Keimunan



Memasuki gerbang tahun 2021, tajuk berita akhbar di seluruh dunia tidak lekang daripada berita kemudaratan yang dibawa oleh pandemik Covid19. Di Malaysia, bilangan kes positif baharu yang disahkan setiap hari kekal pada 4 angka untuk lebih sebulan lamanya, kehilangan kawalan penularan pandemik dalam negara meletakkan sistem perubatan negara di ambang kehancuran. Yang lebih membimbangkan lagi adalah kepantasan mutasi dan penularan virus Covid19 jauh mengatasi kepantasan manusia mengkaji dan menghasilkan vaksin untuk memulihkan penyakit ini, memang tidak mudah untuk terlepas daripada belunggu pandemik ini.

Dalam pertempuran antara virus dan manusia, daya keimunan menjadi faktor penentu kemenangan. Walaupun Lingzhi bukan vaksin, ia boleh menjadi faktor utama dalam pertempuran keimunan: Daya Keimunan. Pada masa yang sama, Lingzhi memainkan peranan penting dalam barisan pertahanan pertama dan barisan pertahanan kedua badan manusia, ia juga dilengkapi fungsi melaraskan sel limfosit T dan menentang virus, mempunyai ciri antiradang yang terbukti secara saintifik.

Yung Kien Ganoderma telah memperoleh Akreditasi Makanan Kesihatan "Imunomodulasi dan Penjagaan Hati" yang dikeluarkan oleh Kerajaan Taiwan (Nombor Sijil Akreditasi: A00003). Sehingga tarikh kini, 5 fungsi imunomodulasi Yung Kien Ganoderma adalah yang terbanyak dan paling lengkap berbanding dengan produk yang sejenis dengannya! Berdasarkan kepercayaan bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan, memelihara kesihatan dan memperkuat sistem imun bagi mencegah jangkitan kuman dan virus melalui pengambilan Lingzhi sebagai suplemen penjagaan kesihatan secara berterusan ialah langkah yang paling bijak.

Menjaga diri dan ahli keluarga dengan baik ialah tanggungjawab kita semua. Pendekatan khususnya adalah: mengurangkan peluang virus memasuki tubuh kita, meningkatkan keupayaan antijangkitan sistem imun kita, membantu menyelaraskan daya imuniti dalam tindak balas keradangan, sila dapatkan rawatan jika terdapat sebarang simptom yang disyaki. Kesihatan bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh. Mulai hari ini, biar Lingzhi membantu anda dan ahli keluarga anda melalui hari-hari menentang pandemik secara selamat.

Sejauh Manakah Anda Mengenal Lingzhi Shuang Hor?


Rumah Hijau Penanaman Lingzhi Berteknologi Tinggi yang Pertama di Dunia

Di Baihe, Tainan terletaknya ladang penanaman teknologi rumah hijau berskala terbesar dengan piawaian penuaian profesional



Mempunyai Strain Lingzhi Terbanyak dan Paling Eksklusif di Dunia

Menguasai strain, mengawal keberkesanan produk




Kilang Pembikinan Lingzhi Profesional yang Pertama di Dunia

Yanshui, Tainan mempunyai barisan penghasilan Lingzhi yang terbesar di dunia, menggunakan proses penghasilan satu pakej lengkap daripada penyediaan bahan mentah hingga produk akhir untuk menghasilkan produk Lingzhi bagi memenuhi permintaan pasaran luar negara



Makmal dan Pusat R&D yang Mendapat Pengiktirafan Peringkat Antarabangsa Melaburkan modal dalam kelengkapan tercanggih dan pasukan penyelidikan bioteknologi terunggul



Satu-satunya yang Menguasai Kunci Pemrosesan Lingzhi di Dunia

Menguasai kunci teknologi pengekstrakan ramuan aktif Lingzhi dan perumusan eksklusif

Satu-satunya Produk Lingzhi yang Mempunyai Gred Equivalent Targeted di Dunia

Memberikan penyelesaian kes secara bersasaran, memenuhi keperluan khusus


Satu-satunya Lingzhi dengan Teknologi Berpaten, Seajar dengan Perakuan Antarabangsa
Dapat mengekstrak ramuan berkesan tunggal Lingzhi secara efisien

Yung Kien Ganoderma (Lingzhi)

Penggunaan tradisional untuk kesihatan umum.

Ganoderma dapat memperbaiki kesihatan. Ia adalah sejenis produk tradisional yang dapat mengekalkan kesihatan jika dimakan untuk jangka masa yang panjang.

Ini adalah iklan produk tradisional.



KKLIU 1525/2019

Yung Kien Ganoderma 2

Penggunaan tradisional untuk kesihatan umum.

Ganoderma dapat memperbaiki kesihatan. Ia adalah sejenis makanan yang dapat mengekalkan kesihatan jika dimakan untuk jangka masa yang panjang.

Teknik Penulenan: Mengekstrak dan menulen dengan menggunakan teknik penulenan berteknologi tinggi.

Ini adalah iklan produk tradisional.



KKLIU 1528/2019

Yung Kien Pollen (Capsule)

100% debunga lebah.

Debunga kaya berkhasiat. Ia dapat membekalkan khasiat menyeluruh yang diperlukan oleh badan, untuk menguatkan badan.

Tiada bau hanyir atau bersifat kasar. Sesuai dimakan oleh semua orang.

Ini adalah iklan produk tradisional.



KKLIU 1524/2019

Yung Kien I Ganoderma Powder

Penggunaan tradisional untuk kesihatan umum.
Ganoderma dapat memperbaiki kesihatan. Ia adalah sejenis makanan yang dapat mengekalkan kesihatan jika dimakan untuk jangka masa yang panjang.
Ini adalah iklan produk tradisional.



Yung Kien B Ganoderma Powder

Penggunaan tradisional untuk kesihatan umum.
Ganoderma dapat memperbaiki kesihatan. Ia adalah sejenis makanan yang dapat mengekalkan kesihatan jika dimakan untuk jangka masa yang panjang.
Ini adalah iklan produk tradisional.

Yung Kien Pollen (Granular)

100% debunga lebah.
Debunga kaya berkhasiat. Ia digelar “makanan sempurna” kerana dapat membekalkan khasiat menyeluruh yang diperlukan oleh badan, untuk menguatkan badan.
Tiada bau hanyir atau bersifat kasar.
Granular yang dibungkus dalam paket adalah bersih dan lebih mudah dibawa.
Ini adalah iklan produk tradisional.



